

TATACARA PENGOSONGAN

FLAT/RUMAH MILIK KERAJAAN DAN RUMAH/FLAT SEWA KERAJAAN



LANGKAH 1

Mendapatkan
BORANG PENGOSONGAN
(Lampiran-C) di:

Laman sesawang; atau
Bangunan Pejabat JPA

Melengkapkan **BORANG PENGOSONGAN**
tersebut sebelum meneruskan ke
Langkah 2 seperti berikut:

LANGKAH 2

Mendapatkan
BORANG PERJANJIAN PENGOSONGAN
(Lampiran-J) di:

Laman sesawang; atau
Bangunan Pejabat JPA

Mengisikan maklumat yang
diperlukan dengan **LENGKAP**

Menghantar **BORANG PERJANJIAN**
PENGOSONGAN yang telah **LENGKAP**
diisikan ke *drop box* di ruang legar
Bangunan Pejabat JPA



Wakil dari Unit Perkhidmatan
Perumahan JPA akan menghubungi
Tuan/Puan bagi mengesahkan tarikh
lawatan pemeriksaan

NOTA:

Tuan/Puan hendaklah memastikan
perkara-perkara berikut sudah
dilaksanakan secara teratur:

- Borang Pengosongan (Lampiran-C) sudah lengkap diisikan dan disahkan oleh agensi-agensi yang berkaitan
- Kediaman yang hendak dikosongkan mestilah dibersihkan kawasan luar dan dalamnya terlebih dahulu
- Bagi Rumah/Flat Sewa Kerajaan: Memastikan kesemua perabot asal masih berada di kediaman berkenaan
- Bagi Flat/Rumah Milik Kerajaan: Memastikan kesemua perabot yang dipinjamkan oleh pihak Kerajaan, alat pemadam api dan juga dapur gas (*gas cooker*) sudah dikembalikan kepada Unit Perabot Jabatan Perkhidmatan Bangunan, JKR



Penghuni (atau wakil)
dikehendaki untuk hadir semasa
lawatan pemeriksaan dilaksanakan

Penghuni (atau wakil) hendaklah
memastikan kesemua kunci beserta
salinan-salinan kunci pintu utama
kediaman berkenaan sedia ada
untuk dikembalikan

NOTA:

Wakil Jabatan ini dengan **SERTA MERTA**
akan membatalkan lawatan pemeriksaan
jika Tuan/Puan didapati gagal
melaksanakan perkara-perkara berikut:

- **BORANG PENGOSONGAN** (Lampiran-C) belum lengkap diisikan dan disahkan oleh agensi-agensi yang berkaitan
- Kediaman yang hendak dikosongkan belum dibersihkan kawasan luar dan dalamnya



Penghuni (atau wakil)
dikehendaki untuk menghadapkan
BORANG PENGOSONGAN (Lampiran-C)
yang telah lengkap dan juga telah
ditandatangani Bahagian H.1
oleh wakil Jabatan ini
beserta kunci rumah ke
Bangunan Pejabat JPA

Wakil Jabatan ini
akan mengesahkan penerimaan
BORANG PENGOSONGAN (Lampiran-C)
dan anak kunci kediaman tersebut dan
seterusnya akan menyediakan salinan
untuk Tuan/Puan hadapkan ke
Kementerian atau Jabatan di mana
Tuan/Puan bertugas bagi tindakan
selanjutnya